



Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

# "GURU INSANI MEMBENTUK GENERASI BERTAMADUN"

10 Mei 2024 / 1 Zulkaedah 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِل

# ﴿ كَمَاۤ أَرْسَلْنَافِيكُوْ رَسُولَامِّنَكُمْ يَتُلُواْ عَلَيْكُوْ ءَايَتِنَا وَيُزَكِّيكُوْ وَيُعَلِّمُكُوُ ٱلْكِتَبَ وَكُمَ اللَّهُ تَكُونُواْ تَعْلَمُونَ ۞ \* وَٱلْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُو مَّالَمُ تَكُونُواْ تَعْلَمُونَ ۞ \*

أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ والتَّابِعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ الله! اتَّقُوْا اللهَ أُوصِيْكُمْ وَالتَّابِعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ الله! اتَّقُوْا اللهَ أُوصِيْكُمْ وَالتَّابِعِيْنَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ الله اللهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقُوْنَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya; mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Bersempena sambutan Hari Guru tahun 2024, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### "GURU INSANI MEMBENTUK GENERASI BERTAMADUN"

Negara telah menetapkan 16 Mei, sebagai tarikh Sambutan Hari Guru, bertujuan menghargai khidmat, jasa dan bakti para guru sebagai murabbi ummah, sekali gus pewaris tugas para rasul; bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 151 yang dibacakan pada awal khutbah,

Bermaksud: "(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutus kepada kamu seorang Rasul daripada kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (daripada amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu

<sup>&</sup>lt;sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>&</sup>lt;sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>&</sup>lt;sup>3</sup> Pesan Taqwa



kandungan Kitab (al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui."

Guru diamanahkan dengan tanggungjawab besar untuk mendidik anak-anak menjadi insan berguna. Para guru mempunyai jiwa untuk menyalurkan ilmu kepada anak muridnya yang datang dari pelbagai latar belakang serta memiliki pelbagai ragam. Kasih seorang guru terhadap anak muridnya ibarat kasih ibu bapa kepada anak. Guru sentiasa bersedia berkorban, menghulur bantuan kepada anak didiknya tanpa mengira waktu. Sehubungan dengan itu, sambutan Hari Guru merupakan penghargaan masyarakat, negara dan dunia, mengiktiraf khidmat, jasa dan bakti para guru membangunkan insan.

Sasterawan Negara Usman Awang, melalui puisi bertajuk Guru oh Guru!, menyanjung tinggi khidmat, jasa dan bakti para guru melalui bait-bait berikut;

"Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa Dengan lembut sabarnya, mengajar tulis baca

Di mana-mana dia berdiri di muka muridnya Dia adalah guru mewakili seribu buku Semakin terpencil duduknya di ceruk desa Semakin bererti tugasnya kepada negara"

Sasterawan Negara A. Samad Said pula melalui puisi 'Obor Hemah' menyifatkan guru sebagai awan indah terbang rendah, melimpahkan hujan pada musim gersang, menyegarkan benih ilmu, berbuah hikmah. Guru diibaratkan atap ganti ketika pondok bocor, kitab sejarah dalam bilik darjah, penelaah yang tekun, mewariskan dunia sebagai kutub khanah, menyediakan kutub khanah sebagai dunia, mengemudi biduk, melepaskannya atas lambungan laut.

Ketahuilah, seseorang yang berkerjaya hebat pada hari ini bermula dengan didikan dan asuhan seorang guru. Sedarlah, tanpa didikan seorang guru, kita tidak mungkin mengenali Tuhan dan menjadi hamba yang soleh sebagaimana kata-kata hikmah:

Bermaksud: "Sekiranya tiada guru yang mendidikku, maka aku tidak mengenali Tuhanku".



Hakikatnya belajar melalui guru (*talaqqi*) ialah tradisi yang diwarisi bermula daripada pengalaman Rasulullah SAW belajar dengan Jibril AS, kemudian diajarkan kepada para sahabat sehingga kepada generasi berikutnya. Tradisi tersebut merupakan proses mendidik demi melahirkan insan berpengetahuan yang mempunyai kedudukan istimewa di sisi Allah SWT berpandukan firman-Nya melalui ayat 9 surah Az-Zumar;

Bermaksud: "Katakanlah! Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang dapat mengambil pelajaran hanyalah orang yang berakal sempurna"

## Jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Medan pendidikan semakin teruji dengan perkembangan teknologi, terutamanya apabila melibatkan media sosial yang sukar dikawal. Media sosial, jika tidak diurus secara bijaksana, berkecenderungan membawa kesan negatif dalam kalangan pengguna. Oleh itu, guru perlu bersedia membimbing murid untuk menggunakan teknologi seiring dengan nilai akhlak. Guru berperanan penting untuk membentuk jiwa dan memugar bakat anak bangsa. Sentuhan kasih dan perasaan sayang seorang guru ketika memberi bimbingan, tidak dapat diganti dengan teknologi.

Sebagai pendidik, guru berhadapan dengan cabaran untuk memenuhi tuntutan semasa menerima pakai pengetahuan teknologi, yang perlu disesuaikan, agar diimbangi dengan tanggungjawab untuk membentuk peribadi dan mengukuhkan jati diri murid. Tugas rumit ini perlu disahut oleh guru dengan hati terbuka.

Ketika memenuhi peranannya, para guru hendaklah menjadi suri teladan yang baik agar dapat dicontohi. Setiap tingkah laku guru sentiasa diperhatikan oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, para guru perlu mempamerkan akhlak dan adab yang mulia, menghindarkan diri daripada terlibat dengan perkara-perkara yang boleh mencemarkan imej, memiliki integriti dan sifat ihsan; di samping memperlihatkan sifat yang mencintai ilmu, mengutamakan ilmu dan secara berterusan menerokai ilmu, agar terbina perwatakan profesionalisme yang diyakini oleh murid, dihormati oleh masyarakat, dan dihargai oleh negara.



### Jemaah Rahimakumullah,

Tahap pencapaian guru turut bergantung pada tahap sokongan yang diberikan oleh ibu bapa dan anggota masyarakat daripada segi idea, tenaga, masa, malah wang ringgit, bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 2:

Bermaksud; "Tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat siksaan-Nya".

Justeru, untuk mencapai wawasan menghasilkan pendidikan berkualiti tinggi, pelbagai pihak, merangkumi pelbagai agensi kerajaan, juga pihak swasta, persatuan alumni atau bekas murid, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), masyarakat setempat dan pelbagai pihak lagi, perlu menjalinkan kerjasama erat dengan pihak sekolah, serta memberikan sokongan padu kepada usaha para guru.

Khatib menyeru sidang jemaah sekalian untuk mengangkat martabat guru dengan mengamalkan apa yang diajar serta mendoakan kesejahteraan mereka. Khatib mengucapkan 'Terima Kasih Cik Gu' kerana telah menjadi guru kami, menyempurnakan tanggungjawab secara tekun dan sabar, mendidik kami untuk memahami matlamat hidup, membekalkan kami dengan ilmu untuk keperluan dunia dan akhirat, dan mengasuh kami untuk menjadi manusia yang amanah, bertanggungjawab, jujur dan ikhlas. Khatib mengingatkan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Islam mengangkat tinggi martabat guru sesuai dengan tugasnya menyampaikan ilmu dan mendidik manusia ke jalan yang benar dan berakhlak mulia, manusia berilmu dan terdidik yang kemudiannya berupaya memenuhi tanggungjawab membangunkan negara bangsa.

**Kedua:** Kenangi khidmat, jasa dan bakti para guru yang telah mengajar, mengasuh dan mendidik kita dengan mendoakan kebaikan untuk mereka dan keluarga mereka, mengunjungi mereka setelah kita berjaya, dan menghulurkan hadiah tanda ingatan terima kasih bersempena Sambutan Hari Guru.



**Ketiga:** Masyarakat hendaklah bersedia menyokong dan berganding bahu dengan guru dalam usaha mewujudkan murid yang berpengetahuan, berketerampilan, berdikari dan berupaya menjadi pelapis kepimpinan negara.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

### Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لآ إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَن سَيِّدَنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدً وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَنْ اللهُ وَمُعَالِمُ اللهُ وَاللهُ وَعَلَى اللهُ وَاللهُ وَاللهُ وَمُؤْوا مَعَ الصَّادِقِيْنَ.

# Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَتَهِكَ تَهُو يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيُّ يَتَأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيْهِ وَسَلِّمُواْ تَسُلِيمًا ۗ

<sup>&</sup>lt;sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>&</sup>lt;sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>&</sup>lt;sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran



اللَّهُمُّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَّ صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِيْ الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدُ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِيْ الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدُ مَحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ فِيْ الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدُ مَجِيْدُ. اللَّهُمُّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَجْعَلْ فِيْ قُلُومِهُم الْإِيْمَانَ وَالْحِكْمَةَ ، وَثَبِّتُهُمْ عَلَى مِلَّة رَسُولِ الله وَلَيِّيُّ . وَأَلِيْمُ الْإِيْمَانَ وَالْحِكْمَة ، وَثَبِّتُهُمْ عَلَى مِلَّة رَسُولِ الله وَلَيِّيُ . اللهُ الله

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, berkati kehidupan guru-guru kami. Kurniai mereka ketabahan dalam usaha mendidik anak-anak kami, limpahi kehidupan mereka dan keluarga mereka dengan keberkatan, tingkatkan kemuliaan mereka sebagai ilmuwan. Kurniai rahmat Mu kepada guru-guru kami yang telah pergi meninggalkan kami, terimalah amalan mereka, muliakan mereka dengan redha Mu, tempatkan roh mereka dalam kalangan hamba Mu yang beriman.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

<sup>&</sup>lt;sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَآ ءَلِنَا فِ ٱلدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى ٱلْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ ٱللَّهُ يَأْمُرُ بِٱلْعَذَلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيِ ذِى ٱلْقُرْبِى وَيَنْهَى عَنِ عِبَادَ اللهِ، ﴿ إِنَّ ٱللّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَذَلِ وَٱلْإِحْسَنِ وَإِيتَآيٍ ذِى ٱلْقُرْبِى وَيَنْهَى عَنِ ٱللهَ عَنْ كُرُهُ وَاللهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُ مُ اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُ مُ وَاللهُ يَعْلَمُ وَاللهُ وَلَهُ وَاللهُ وَيَعْمُونَ وَاللهُ وَاللّهُ وَاللهُ وَاللّهُ وَاللهُ وَاللهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللّهُ وَاللهُ وَاللّهُ وَاللهُ وَاللهُ وَاللّهُ وَل